

25/03/1999

KDN tidak ambil tindakan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak terbabit dalam mengambil tindakan terhadap pihak yang membuat fitnah dan memburuk-burukkan pemimpin negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan itu akan dilakukan oleh sebuah jawatankuasa khas Umno, yang diwujudkan untuk membuat penelitian terhadap isu berkenaan.

"Selepas jawatankuasa itu mengenal pasti kes, mereka akan melaporkannya kepada polis," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berlepas ke Makkah, hari ini.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali, yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian apabila ditanya apakah kerajaan dan kementerian terbabit untuk mengambil tindakan terhadap penyebar fitnah yang memburuk-burukkan pemimpin negara.

Ibrahim berkata, jawatankuasa itu sudah mengenal pasti dua kes dan laporan polis akan dibuat tidak lama lagi.

Bagaimanapun, beliau yang mengetuai jawatankuasa lima ahli MT itu tidak menjelaskan kes berkenaan.

Jawatankuasa khas itu yang terdiri daripada tokoh perundangan, bertanggungjawab mengumpul maklumat mengenai setiap tuduhan di peringkat Pusat, negeri atau bahagian.

(END)